

Dr Mahathir dilantik Pengerusi Kumpulan 11

22 OCT 1991

Daripada **IBRAHIM YAHAYA HARARE**, Isnin -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipilih sebagai Pengerusi Kumpulan 11 yang akan meneliti laporan la- & t & Setiausaha Agung Komanwel. Chief Emeka Anyaoku, ke Afrika Selatan tidak lama lagi untuk meninjau perkembangan di sana.

Chief Anyaoku berkata, Kumpulan 11 yang dianggotai Kumpulan Penilaian Peringkat Tinggi (HLAG) Komanwel dan Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe, akan mencadangkan langkah susulan yang perlu diambil berdasarkan laporan itu.

Beliau memberitahu wartawan Malaysia demikian ketika ditanya siapakah pemimpin yang akan memimpin pengerusian Kumpulan 11.

Sebelum itu, beliau mengadakan sidang akhbar menge-

nai Perisytiharan Komanwel Harare, dan pengumuman pengemergiannya ke Afrika Selatan.

Chief Anyaoku berkata, Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel yang beristirahat hujung minggu ini di Victoria Falls mengalu-alukan perubahan yang berlaku di Afrika Selatan 20 bulan lalu.

"Mereka percaya bahawa kemajuan itu boleh mempercepatkan matlamat mengadakan demokrasi tanpa perkawanan di Afrika Selatan.

"Bagaimanapun, mereka juga mengambil berat terhadap meningkatnya keganasan dan kemungkinan memberi kesan kepada proses rundingan," katanya.

Chief Anyaoku berkata, Ketua-Ketua "Kerajaan percaya Komanwel perlu bersedia membantu proses rundingan yang amat diperlukan parti terbabit.

"Mereka bercadang menghantar sara melawat Afrika Selatan secepat mungkin untuk meninjau bersama parti-parti terabit cara Komanwel boleh membantu mempercepatkan proses rundingan itu.

"Sekembalinya dari lawatan itu, saya akan membuat laporan kepada Kumpulan 11 yang dianggotai 10 Ketua Kerajaan dan Presiden Mugabe yang mempengerusikan Chogm kali ini," katanya.

Beliau berkata, Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel memberi kebenaran kepada Kumpulan 11 untuk mempertimbang dan menentukan langkah susulan hasil lawatannya itu.

Menurutnya, beliau sudah mengadakan rundingan awal dengan perwakilan daripada kerajaan Afrika Selatan, Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) Inkhata, parti serta kumpulan lain di negara itu.